

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(I)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB. SATEES A/L MUNIANDY**

18. Sebagai Badan Berkanun Negeri, bolehkah apa-apa sumbangan kepada Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang oleh individu atau organisasi mendapat pelepasan cukai? Jika tidak:-
 - (a) Bolehkah Kerajaan Negeri membuat permohonan bagi pihak Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang untuk ianya diiktiraf sebagai organisasi yang diluluskan untuk derma menurut Akta Cukai Pendapatan?

**YB. PROF. DR. P. RAMASAMY A/L PALANISAMY
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

18. Sumbangan kepada Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang (LWHNPP) oleh individu atau organisasi sememangnya boleh mendapat pelepasan cukai. Sebelum ini, LWHNPP pernah diberi kelulusan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) di bawah Ruj No. JHDN.01/35/45/51/179.1 namun LWHNPP telah dimaklumkan untuk membuat permohonan semula kerana kelulusan tersebut telah tamat tempoh. Sehubungan dengan itu, LWHNPP telah membuat permohonan untuk kelulusan di bawah subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi tabung pengurusan rumah ibadat. Walau bagaimanapun, LWHNPP belum menerima apa-apa maklum balas sehingga kini.
 - (a) LWHNPP merupakan Badan Berkanun Persekutuan di bawah pemantauan Pejabat Perdana Menteri. Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab membentangkan

laporan kewangan LWHNPP di Parlimen. Urusan pentadbiran wakaf dan kuil-kuil dikendalikan oleh sebuah Jawatankuasa Pengurusan yang dilantik oleh LWHNPP. Di samping itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dengan perkenan T.Y.T. Yang DiPertua Negeri diberi kuasa untuk melantik Pesuruhjaya-pesuruhjaya dan Setiausaha Lembaga bagi tempoh pelantikan selama 1 tahun. Setiausaha Lembaga ialah Pegawai Kerajaan yang bertanggungjawab untuk mengurus dan mengambil tindakan ke atas keputusan yang dibuat oleh Lembaga. Pelantikan ini dibuat selaras dengan peruntukan Seksyen 3, Ordinan Wakaf-wakaf Hindu [(Ordinan 17), Tahun 1905] (Bab 175). Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri boleh membuat permohonan bagi pihak LWHNPP untuk diiktiraf sebagai organisasi yang diluluskan untuk derma menurut Akta Cukai Pendapatan memandangkan kuasa eksekutif LWHNPP adalah di bawah Kerajaan Negeri.